

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 MAC 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Penggunaan Nanohibrit Biokomposit jimat 30 peratus kos bina sangkar ikan	BERNAMA
2.	Fenomena Ekuinoks mulai tengah hari Sabtu - Angkasa	BERNAMA
3.	Fenomena Ekuinoks mulai tengah hari ini - Angkasa	Utusan Malaysia
4.	Visitors catch a glimpse of solar eclipse	New Straits Times
5.	Stargazers catch solar eclipse live streaming at planetarium	The Star
6.	Potensi luas usahawan bioteknologi	Utusan Malaysia
7.	PRK Chempaka: Cuaca diramal cerah pada hari pengundian esok	BERNAMA
8.	Tuntutan palsu lebih RM2 juta: Ahli perniagaan, pensyarah diarah bela diri	BERNAMA
9.	Ahli perniagaan, pensyarah diarah bela diri kes tuntutan palsu	Utusan Malaysia
10.	Bela diri kes tipu invois RM2j	Harian Metro



Penggunaan Nanohibrit Biokomposit Jimat 30 Peratus Kos Bina Sangkar Ikan

Oleh Salawaty Supardi

PUTRAJAYA, 20 Mac (Bernama) -- Penggunaan Nanohibrit Biokomposit yang dihasilkan daripada serat tandan kelapa sawit kosong, habuk dan serat sekam padi dapat menjimatkan sehingga 30 peratus kos pembinaan sangkar ikan bagi ternakan akuakultur.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata teknologi baharu itu boleh menjadi alternatif untuk menggantikan kayu sebagai bahan binaan struktur sangkar akuakultur.

Katanya penggunaan teknologi baharu itu telah dimulakan di Pulau Simpang Tiga Langkawi, Kedah dengan kerjasama **Agensi Nuklear Malaysia** dan Institut Penyelidikan Perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia menerusi projek teknologi pembuatan sangkar untuk akuakultur.

"Projek ini mampu menyumbang kepada jaminan keselamatan dan bekalan produk makanan untuk negara serta membantu meningkatkan taraf hidup pekerja di sektor perikanan," katanya kepada Bernama.

Abu Bakar berkata penggunaan sumber alternatif itu turut menyumbang kepada persekitaran yang lebih baik, mengurangkan pembuangan sisa pepejal dan pelepasan karbon selain menjimatkan penggunaan tenaga akibat pembakaran sisa tersebut.

Sementara itu **Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia Datuk Dr Muhamad Lebai Juri** berkata untuk tahun ini, MOSTI meluluskan dana Technofund RM650,000 bagi pembangunan prototaip sangkar dan pameran ladang di peringkat prapengkomersialan.

Katanya pembangunan teknologi itu bertujuan menyediakan satu alternatif baharu bagi menggantikan penggunaan kayu sebagai struktur sangkar akuakultur yang mampu dimiliki oleh penternak dan nelayan.

Muhamad berkata pihaknya mempunyai kemampuan dan kepakaran dalam mengaplikasikan teknik-teknik nuklear bagi meningkatkan mutu serta ketahanan sesuatu bahan.

"Nuklear Malaysia berhasrat untuk mengembangkan penggunaan teknik-teknik ini bagi manfaat golongan akar umbi dalam setiap bidang untuk menyokong agenda pembangunan negara," katanya.

-- BERNAMA



Fenomena Ekuinoks Mulai Tengah Hari Sabtu - Angkasa

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Seluruh dunia akan mengalami fenomena Ekuinoks - yang berlaku apabila matahari melintasi garisan Khatulistiwa - bermula tengah hari Sabtu.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Mohd Zamri Shah Mansor berkata fenomena itu berlaku apabila matahari melintasi garisan Khatulistiwa untuk mengubah kedudukannya dari hemisfera Selatan Bumi ke hemisfera Utara setelah enam bulan berada di hemisfera Selatan.

"Ketika ia berlaku, mereka yang berada di atas atau berdekatan dengan garisan Khatulistiwa terutamanya di kawasan Pontianak, Indonesia akan mendapati matahari berada tegak di atas kepala pada waktu tengah hari, bergantung kepada waktu tempatan masing-masing.

"Ketika matahari tegak di langit, orang ramai tidak dapat melihat bayang-bayang mereka seperti kebiasaan," katanya pada sidang media selepas penstriman secara langsung Fenomena Gerhana Matahari Penuh di Planetarium Negara di sini, hari ini.

Semasa fenomena Ekuinoks, seluruh dunia akan mengalami waktu siang dan malam yang sama panjang iaitu 12 jam siang dan 12 jam malam.

Sementara itu, penstriman secara langsung itu bertujuan menyaksikan Gerhana Matahari Penuh di utara Kepulauan Faroe di Lautan Norway.

Gerhana Matahari Penuh itu mengambil masa empat jam sembilan minit bermula pada 3.41 petang dan berakhir pada 7.50 petang waktu Malaysia.

"Fenomena ini berlaku pada 8.41 pagi waktu Kepulauan Faroe dan kemuncaknya berlaku pada 10.15 pagi ketika itu. Ketika inilah (10.15 pagi) penduduk di sekitar kawasan itu akan mengalami waktu gelap selama 2 minit," katanya.

Selain kawasan kepulauan Faroe, fenomena itu juga dapat dilihat di kawasan Lautan Artik dari Greenland ke Norway.


Mohd Zamri berkata fenomena gerhana matahari berlaku apabila bulan melintasi di antara Bumi dan Matahari yang penduduknya dapat melihat bayang-bayang matahari secara penuh atau separa.

"Fenomena kali ini merupakan fenomena gerhana matahari penuh terakhir buat penduduk Eropah sebelum gerhana matahari penuh berikutnya pada 12 Ogos 2026," katanya.

Pertanyaan lanjut boleh dibuat dengan menghubungi Planetarium Negara di talian 0322734301/4303/5484 atau layari laman web www.angkasa.gov.my ataupun laman sosial Facebook 'Agensi Angkasa Negara'.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 07
TARIKH : 21 MAC 2015 (SABTU)



MALAYSIA dan sebahagian negara di dunia akan mengalami cuaca panas melampau apabila matahari (gambar kanan) melintasi garisan Khatulistiwa yang akan mencetuskan fenomena Ekuinoks bermula hari ini. - **GAMBAR HIASAN**

Fenomena Ekuinoks mulai tengah hari ini - Angkasa

KUALA LUMPUR 20 Mac - Seluruh dunia akan mengalami fenomena Ekuinoks - yang berlaku apabila matahari melintasi garisan Khatulistiwa - bermula tengah hari esok.

Pegawai Sains Agensi Angkasa Negara (Angkasa) Mohd. Zamri Shah Mansor berkata fenomena itu berlaku apabila matahari melintasi garisan Khatulistiwa untuk mengubah kedudukannya dari hemisfera selatan Bumi ke hemisfera utara setelah enam bulan berada di hemisfera selatan.

"Ketika ia berlaku, mereka yang berada di atas atau berdekatan dengan garisan Khatulistiwa terutamanya di kawasan Pontianak, Indonesia akan mendapati matahari berada tegak di atas kepala pada waktu tengah hari, bergantung kepada waktu tempatan masing-masing.

"Ketika matahari tegak di langit, orang ramai tidak dapat melihat bayang-bayang mereka seperti kebiasaan," katanya pada sidang media selepas penstriman secara langsung Fenomena Gerhana Matahari Penuh di Planetarium Negara di sini, hari ini.

Semasa fenomena Ekuinoks, seluruh dunia akan mengalami waktu siang dan malam yang sama panjang iaitu 12 jam siang dan 12 jam malam.

Sementara itu, penstriman secara langsung itu bertujuan menyaksikan Gerhana Matahari Penuh di utara Kepulauan Faroe di Lautan Norway.

Gerhana Matahari Penuh itu mengambil masa empat jam sembilan minit bermula pada 3.41 petang dan berakhir pada 7.50 petang waktu Malaysia.

"Fenomena ini berlaku pada 8.41 pagi waktu Kepulauan Faroe dan kemuncaknya berlaku pada 10.15 pagi ketika itu. Ketika inilah (10.15 pagi) penduduk di sekitar kawasan itu akan mengalami waktu gelap selama 2 minit," katanya.

Selain kawasan kepulauan Faroe, fenomena itu juga dapat dilihat di kawasan Lautan Artik dari Greenland ke Norway.

Mohd. Zamri berkata fenomena gerhana matahari berlaku apabila bulan melintasi di antara Bumi dan Matahari yang penduduknya dapat melihat bayang-bayang ma-



ORANG ramai boleh menyaksikan fenomena ekuinoks menerusi teleskop di pekarangan Planetarium Negara, Kuala Lumpur, hari ini. - **GAMBAR HIASAN**

tahari secara penuh atau separa.

"Fenomena kali ini merupakan fenomena gerhana matahari penuh terakhir buat penduduk Eropah sebelum gerhana matahari penuh berikutnya pada 12 Ogos 2026," katanya.

Pertanyaan lanjut boleh dibuat dengan menghubungi Planetarium Negara di talian 0322734301/4303/5484 atau layari laman web www.angkasa.gov.my ataupun laman sosial Facebook 'Agensi Angkasa Negara'. - **BERNAMA**



Mohd Faiz Mohd Rasfan, 9, trying to observe the solar eclipse at the National Planetarium in Kuala Lumpur. (Inset) A visitor at the planetarium taking a picture of the solar eclipse in Svalbard, Norway, during a live-stream. Pix by Asyraf Hamzah.

Visitors catch a glimpse of solar eclipse

KUALA LUMPUR: Tourists and visitors received an opportunity to watch a live streaming of a total solar eclipse transmitted from different countries through slooh.com, at the National Planetarium here yesterday.

The viewing of the phenomenon began at 4pm.

Prior to the countdown, National Planetarium Science Officer Mohd

Zamri Shah Mastor briefed visitors and advised them on the do's and don'ts of viewing the eclipse, such as the need to use eye protection.

He said today, the world would experience the equinox phenomenon, where some countries' night and day would be nearly the same length.

"Areas located on the equator,

such as Pontianak, Indonesia, will experience a shadowless noon."

Malaysians will have the opportunity to witness a partial lunar eclipse on April 4. It will occur twice — the first at 4.15pm and later the same day from 8.02pm to 9.44pm.

"That is when the earth's shadow will cover almost half of the moon. It will be a sight to behold," said Zamri.



Rare sight: Visitors taking a look through a telescope to see the solar eclipse while being assisted by an Angkasa officer at the National Planetarium in Kuala Lumpur. — Bernama

Stargazers catch solar eclipse live streaming at planetarium

KUALA LUMPUR: Stargazers took the opportunity to converge at the National Planetarium in Jalan Perdana to get a glimpse of the solar eclipse, when the moon passes between the earth and the sun.

During the only total eclipse of the sun in 2015, there was visibility for about two minutes and 47 seconds from 5.45pm (Malaysian time) although the entire phenomenon lasted around four hours and nine minutes.

However, the solar eclipse was not visible in Malaysia due to the route of the eclipse, resulting in the National Space Agency (Angkasa) hosting a live streaming of the celestial phenomenon here yesterday.

Angkasa science officer Mohd Zamri Shah Mastor said this was the last visible eclipse in Europe until the next Total Solar Eclipse on Aug 12, 2026.

Zamri also said that the Earth would also experience the Equinox phenomenon where the Sun would be on the tropical line today.

"When this happens, everywhere in the world would experience day time and night which is equally long.

"Those who reside on the tropical line such as Pontianak, Indonesia, would experience an afternoon of no shadows as the Sun would be directly on top, making shadows fall right under the feet," he said.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 21 MAC 2015 (SABTU)

Potensi luas usahawan bioteknologi

KUALA LUMPUR 20 Mac. - Syarikat bioteknologi tempatan mempunyai potensi luas untuk mengembangkan perniagaan bukan sahaja di dalam negara tetapi ke peringkat antarabangsa.

Pengarah Urusan Axile Consulting Sdn. Bhd., Azlan Yaacob berkata, usahawan Malaysia boleh mengkomersialkan pelbagai produk seperti baja bio organik dan bahan api bio.

Katanya, syarikat berkaitan perlu memanfaatkan bahan mentah daripada sumber tempatan dalam usaha menghasilkan produk pengeluaran kimia bernilai tinggi.

"Cabaran utama industri ini adalah masa kerana usahawan perlu meluangkan kira-kira lima hingga 10 tahun bagi tempoh penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Dana tidak menjadi isu kerana



Cabaran utama industri ini adalah masa kerana usahawan perlu meluangkan kira-kira lima hingga 10 tahun bagi tempoh penyelidikan dan pembangunan (R&D)."

AZLAN YAACOB
Pengarah Urusan Axile Consulting Sdn. Bhd.

agensi kerajaan termasuk Biotechnology Corp. (BiotechCorp) dan PlaTCOM Ventures Sdn. Bhd. (PlaTCOM), sedia membantu,"

katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Axile Consulting adalah syarikat perunding dan juga antara 16 pemilik program Sidang Kemuncak Usahawan 1ASEAN (1AES) anjuran Kementerian Kewangan.

1AES merupakan landasan buat usahawan dan pelabur dalam komuniti ASEAN bertukar pendapat mengenai isu pembangunan usahawanan.

Menurut Azlan, usahawan bioteknologi sudah mempunyai rangkaian produk yang boleh dipertingkatkan lagi standard dan kualitinya.

"Oleh itu, produk yang telah dikomersialkan di pasaran domestik perlu ditambah baik supaya mendapat tempat di luar negara setanding keluaran negara lain," katanya.



PRK Chempaka: Cuaca Diramal Cerah Pada Hari Pengundian Esok

KOTA BAHARU, 21 Mac (Bernama) -- Cuaca di sekitar Kota Baharu pada hari pengundian pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka Ahad diramal cerah sepanjang hari.

Menurut laman sesawang [Jabatan Meteorologi Malaysia](http://www.met.gov.my/) <http://www.met.gov.my/>, suhu minimum dijangka 23 darjah celcius manakala suhu maksimum pula adalah 32 darjah celcius.

Sejumlah 20,390 orang pengundi akan menunaikan tanggungjawab mereka pada pengundian esok.

PRK DUN Chempaka menyaksikan pertandingan lima penjuru antara calon PAS dan empat calon Bebas.

PAS diwakili Ketua Urusan Ulama PAS DUN Chempaka Ahmad Fathan Mahmood@Mahamad, 42.

Empat calon Bebas terdiri daripada bekas pensyarah Izat Bukhary Ismail Bukhary, 48, bekas Naib Presiden Perkasa Kelantan Sharif Mahmood, 59, Yang Dipertua Pertubuhan Keturunan Paduka Raja Cik Siti Wan Kembang Fadzillah Hussin, 55, dan pesara Kementerian Kesihatan Aslah Mamat, 64.

-- BERNAMA



Tuntutan Palsu Lebih RM2 Juta: Ahli Perniagaan, Pensyarah Diarah Bela Diri

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Mahkamah Sesyen di sini hari ini mengarahkan seorang ahli perniagaan dan seorang pensyarah kanan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) membela diri terhadap 20 pertuduhan membuat tuntutan palsu bernilai lebih RM2 juta enam tahun lepas.

Hakim Rosbiahanin Arifin memutuskan demikian terhadap Samad Sapari, 51, dan Abdul Aziz Abdul Kadir, 51, setelah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie.

Rosbiahanin kemudiannya menetapkan 25 hingga 27 Mei ini untuk mendengar pembelaan tertuduh.

Samad dan Abdul Aziz didakwa membuat tuntutan palsu bernilai RM380,000 menggunakan empat invois pada 24 Ogos 2009 yang diserahkan kepada [Malaysian Technology Development Corporation \(MTDC\) Sdn Bhd](#) di pejabat Monitoring & Government Liaison MTDC Sdn Bhd di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur sekitar 8 pagi hingga 6 petang.

Mereka juga didakwa membuat tuntutan bernilai RM746,059.66 daripada MTDC dengan menggunakan lapan invois MTDC di tempat yang sama antara 8 pagi dan 6 petang pada 23 Feb 2010.

Tertuduh turut didakwa membuat tuntutan bernilai RM943,054 daripada MTDC dengan menggunakan lapan invois di pejabat tersebut sekitar 8 pagi hingga 6 petang pada 22 Nov 2010.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama dan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Sepanjang perbicaraan seramai 22 orang saksi telah dipanggil dan lapan saksi pembelaan akan tampil memberi keterangan.

Samad diwakili peguam Datuk Jahaberdeen Mohamed Yunoos manakala Abdul Aziz diwakili peguam Mary Song Kim Moy.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa SPRM Wan Ahmad Nizam Wan Omar.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 32
TARIKH: 21 MAC 2015 (SABTU)

Ahli perniagaan, pensyarah diarah bela diri kes tuntutan palsu

KUALA LUMPUR 20 Mac - Seorang ahli perniagaan dan seorang pensyarah kanan sebuah universiti masing-masing diperintah membela diri oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas 20 pertuduhan membuat tuntutan palsu bernilai lebih RM2 juta pada tahun 2009 dan 2010.

Hakim Rosbiahanin Arifin memutuskan demikian terhadap Samad Sapari, 51, dari PSC Innovations Sdn. Bhd. dan Abdul Aziz Abdul Kadir, 51, selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya menimbulkan prima facie terhadap pertuduhan tersebut.

Rosbiahanin dalam keputusannya di akhir kes pendakwaan itu berkata, mahkamah berpuas hati terdapat beberapa percanggahan dalam keterangan yang direkodkan daripada 22 saksi pendakwaan yang telah dipanggil sepanjang prosiding.

"Keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan juga tidak prejudis kepada mana-mana pihak serta konsisten dengan per-

tuduhan yang dikemukakan kepada kedua-dua tertuduh," kata beliau.

Kedua-dua tertuduh didakwa membuat tuntutan palsu bernilai RM380,000 menggunakan empat invois yang diserahkan kepada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Sdn. Bhd. di pejabat Monitoring & Government Liaison MTDC Sdn. Bhd. di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang di sini antara pukul 8 pagi dan 6 petang, 24 Ogos 2009.

Tertuduh-tertuduh kemudian membuat tuntutan bernilai RM746,059.66 daripada MTDC dengan menggunakan lapan invois MTDC di tempat yang sama antara pukul 8 pagi dan 6 petang pada 23 Februari 2010.

Mereka turut membuat tuntutan bernilai RM943,054 daripada MTDC dengan menggunakan lapan invois di pejabat tersebut sekitar 8 pagi hingga 6 petang pada 22 November 2010.

Bagi kesemua pertuduhan,

mereka didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama dan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 akta sama iaitu penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Pertuduhan terhadap Samad dan Abdul Aziz dibuat di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada dua tahun lalu namun perbicaraan dipindahkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas alasan kebanyakan saksi pendakwaan menetap di ibu kota.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Wan Ahmad Nidzam Wan Omar manakala Samad dan Abdul Aziz masing-masing diwakili peguam Datuk Jahaberdeen Mohamed Yunoos dan Mary Song.

Mahkamah kemudian menetapkan 25 hingga 27 Mei ini untuk perbicaraan di peringkat pembelaan. Seramai lapan saksi pembelaan akan dipanggil untuk memberi keterangan.

Bela diri kes tipu invois RM2j

■ Pendakwa berjaya bukti kes tuntutan palsu ahli perniagaan, pensyarah

BERNAMA
Kuala Lumpur

Mahkamah Sesyen di sini semalam mengarahkan seorang ahli perniagaan dan seorang pensyarah kanan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) membela diri terhadap 20 pertuduhan membuat tuntutan palsu bernilai lebih RM2 juta, enam tahun lalu.

Hakim Rosbiahanin Arifin memutuskan demikian terhadap Samad Sapari, 51, dan Abdul Aziz Abdul Kadir, 51, setelah mendapati pihak pendakwa berjaya membuktikan kes prima facie.

Rosbiahanin kemudian menetapkan 25 hingga 27 Mei ini untuk

mendengar pembelaan tertuduh.

Samad dan Abdul Aziz didakwa membuat tuntutan palsu bernilai RM380,000 menggunakan empat invois pada 24 Ogos 2009 yang diserahkan kepada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) Sdn Bhd di pejabat Monitoring & Government Liaison MTDC Sdn Bhd di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur sekitar 8 pagi hingga 6 petang.

Mereka juga didakwa membuat tuntutan bernilai RM746,059.66 daripada MTDC dengan menggunakan lapan invois MTDC di tempat yang sama antara 8 pagi dan 6 petang pada 23 Feb 2010.

Tertuduh turut didakwa mem-



LAPORAN Harian
Metro 28 Jun 2013.

buat tuntutan bernilai RM943,054 daripada MTDC dengan menggunakan lapan invois di pejabat tersebut sekitar 8 pagi hingga 6 petang pada 22 November 2010.

Mereka didakwa mengikut Sek-

syen 471 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama dan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Sepanjang perbicaraan, 22 saksi dipanggil dan lapan saksi pembelaan akan tampil memberi keterangan.

Samad diwakili peguam Datuk Jahaberdeen Mohamed Yunoos manakala Abdul Aziz diwakili peguam Mary Song Kim Moy.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Wan Ahmad Nizam Wan Omar.